

600:
MAHATHIR

1975

KUALA LUMPUR, 9 JUN (BERNAMA) -- SIJIL-SIJIL PERSEKOLAHAN BEBERAPA SEKOLAH MENENGAH UGAMA DI NEGARA INI TELAH DIKTIRAF OLEH UNIVERSITI AZHAR REPUBLIK ARAB MESIR.

SEKOLAH-SEKOLAH TERSEBUT TERMASUKLAH SEKOLAH MA'HAD MAHMUD DI KEDAH DAN SEBUAH LAGI DI TRENGGANU.

MENTERI PELAJARAN DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, DENGAN ITU PARA PELAJAR SEKOLAH-SEKOLAH BERKENAAN BOLEH MEMASUKI TERUS KE TAHUN PERTAMA PENGAJIAN DI UNIVERSITI AZHAR.

BELIAU MEMBERITAHU BERNAMA DEMIKIAN SETIBANYA DISINI SELEPAS MELAKUKAN LAWATAN KE MESIR. SEBELUM ITU, BELIAU MENGHADIRI MESYUARAT JAWATANKUASA PERSATUAN PARLIMEN KOMONWEL DI ISLE OF MAN, UNITED KINGDOM.

DI MESIR, DR. MAHATHIR MENEMUI MENTERI PELAJARAN DAN MENTERI WAKAF DAN HAL EHWAL AZHAR.

BELIAU JUGA MENEMUI REAKTOR AL AZHAR, KETUA-KETUA FAKULTI P PERUBATAN UNIVERSITI-UNIVERSITI MAHIRAH DAN ISKAN-DARIAH SERTA MENEMUI PARA PELAJAR MALAYSIA DISANA.

DR. MAHATHIR BERKATA, BELIAU TELAH MEMBINCANGKAN KEMUNGKINAN MENGADAKAN KERJASAMA LEBIH ERAT ANTARA KEDUA-KEDUA BUAH NEGARA.

-- BERSAMBUNG 1657/ZCM

610:
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

MENTERI ITU JUGA MENEMUI PARA PELAJAR MALAYSIA DI LONDON DAN BIRMINGHAM SERTA MENDENGAR MASAALAH-MASAALAH MEREKA, YANG KEBANYAKANNYA SOAL SARA HIDUP YANG TINGGI, KEMUDAHAN DAN YURAN YANG TINGGI.

DR. MAHATHIR MEMBERI JAMINAN AKAN BERUSAHA SEBERAPA YANG BOLEH MENYELESAIKAN MASAALAH-MASAALAH TERSEBUT.

MENGENAI MESYUARAT DI ISLE OF MAN, DR. MAHATHIR BERKATA, MESYUARAT ITU TELAH MEMBINCANGKAN AJENDA UNTUK PERSIDANGAN PERSATUAN PARLIMEN KOMONWEL YANG AKAN BERLANGSUNG DI NEW DELHI BULAN OKTOBER DEPAN. -- BERNAMA 1700/ZCM